



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**PELANJUTAN JANGKA HAYAT PRODUK  
VAKSIN COVID-19 CONVIDECIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) telah meluluskan permohonan variasi daripada syarikat Solution Biologics Sdn. Bhd. berhubung pengemaskinian tempoh jangka hayat produk bagi vaksin COVID-19, **Convidecia (Trade Mark) Recombinant Novel Coronavirus Vaccine (Adenovirus Type 5 Vector) Solution for Injection.**

Pelanjutan tempoh jangka hayat produk telah diberikan **berdasarkan data stabiliti** terkini yang dikemukakan oleh pihak pengilang. Berikut merupakan jangka hayat yang baru bagi vaksin COVID-19, **Convidecia (Trade Mark) Recombinant Novel Coronavirus Vaccine (Adenovirus Type 5 Vector) Solution for Injection:**

<b>Bil.</b>	<b>Vaksin</b>	<b>Pengilang</b>	<b>Tempoh Jangka Hayat Baru yang Diluluskan</b>
1.	Convidecia (Trade Mark) Recombinant Novel Coronavirus Vaccine (Adenovirus Type 5 Vector) Solution for Injection (MAL21066050AZ)	CanSino Biologics Inc, China	Pelanjutan jangka hayat daripada <b>15 bulan kepada 18 bulan</b> apabila disimpan dalam suhu 2°C hingga 8°C

2.	Convidecia (Trade Mark) Recombinant Novel Coronavirus Vaccine (Adenovirus Type 5 Vector) Solution for Injection (MAL22126013ASZ)	Solution Biologics Sdn. Bhd., Malaysia	
----	--	--	--

Kelulusan pelanjutan jangka hayat ini adalah secara retrospektif, bermaksud kelulusan ini juga terpakai kepada semua stok yang telah diterima sebelum variasi pelanjutan tempoh jangka hayat ini diluluskan.

Sehubungan dengan itu, **jangka hayat terkini** untuk stok vaksin yang masih berada dalam simpanan KKM seperti di Lampiran A. Tarikh luput pada label vaksin mungkin menunjukkan bahawa produk sudah luput tetapi semakan tarikh luput yang **terkini** (selepas pelanjutan jangka hayat) boleh dibuat melalui laman sesawang NPRA

(<https://npa.gov.my/index.php/en/consumers/information/vaccine-covid-19-update.html> ).

KKM sentiasa komited untuk memastikan semua produk farmaseutikal termasuk vaksin COVID-19 yang dibekalkan di Malaysia telah dinilai dari aspek kualiti, keselamatan dan keberkesanan oleh NPRA.

**NORHALIZA BINTI A HALIM**  
**PENGARAH KANAN PERKHIDMATAN FARMASI**  
**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**  
**21 JANUARI 2023**

## LAMPIRAN A

### Senarai vaksin Convidecia (Trade Mark) Recombinant Novel Coronavirus Vaccine (Adenovirus Type 5 Vector) Solution for Injection dengan tarikh luput baharu selepas pelanjutan jangka hayat vaksin ke 18 bulan

(Nota: Lampiran ini hanya menyenaraikan kelompok vaksin yang masih belum melepasi tarikh luput baharu selepas pelanjutan jangka hayat iaitu 18 bulan dari tarikh mengilang)

No	No. Kelompok	Tarikh Mengilang	Tarikh Luput Baharu (18 bulan)
1	NCOV202107038V	22-Jul-2021	21-Jan-2023
2	NCOV202108043V	15-Aug-2021	14-Feb-2023
3	NCOV202108042V	08-Aug-2021	07-Feb-2023
4	NCOV202109006VT	18-Sept-2021	17-Mar-2023
5	NCOV202109007VT	19-Sept-2021	18-Mar-2023
6	NCOV202109008VT	20-Sept-2021	19-Mar-2023
7	NCOV202109009VT	21-Sept-2021	20-Mar-2023
8	NCOV202109010VT	22-Sept-2021	21-Mar-2023
9	NCOV202109011VT	23-Sept-2021	22-Mar-2023
10	NCOV202109012VT	24-Sept-2021	23-Mar-2023
11	NCOV202110017VT	11-Oct-2021	10-Apr-2023
12	NCOV202110018VT	12-Oct-2021	11-Apr-2023
13	NCOV202110019VT	13-Oct-2021	12-Apr-2023
14	NCOV202110020VT	14-Oct-2021	13-Apr-2023
15	NCOV202111067V	03-No-2021	02-May-2023